



**MAJLIS DAERAH RAUB
27600 RAUB
PAHANG**

Bil.(30)dlm.MDR.5138 Jld.4

IKLAN JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia **KEUTAMAAN** akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI PAHANG** yang berkelayakan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Daerah Raub.

SYARAT-SYARAT UMUM LANTIKAN BAGI SEMUA JAWATAN:-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Anak Pahang dan pemegang kad pengenalan kod Negeri Pahang 06,32 atau 33 dan pemastautin tetap sekurang-kurangnya 10 tahun bagi anak bukan kelahiran Negeri Pahang. (Surat pemastautin hendaklah dikeluarkan oleh Penghulu Mukim)
- d) Sijil Kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualifications Agency*)]

BIL	JAWATAN	TARAF JAWATAN	KLASIFIKSI PERKHIDMATAN	KEKOSONGAN
1.	PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN, GRED W5	TETAP	KEWANGAN	1

BIL	JAWATAN	TARAF JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KEKOSONGAN
2.	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/ PENOLONG JURUTERA, GRED JA5	TETAP	KEJURUTERAAN	3
3.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI), GRED N1	TETAP	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	2
4.	PEMBANTU PENGUAT KUASA, GRED KP1	TETAP	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM	2
5.	PEMBANTU KEMAHIRAN, GRED H1	TETAP	KEMAHIRAN	1
6.	PEMBANTU KHIDMAT AM, GRED H1	TETAP	KEMAHIRAN	12
7.	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA, GRED JA5	KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)	KEJURUTERAAN	1
8.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N5	KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	1
9.	PEMBANTU PENILAIAN, GRED W1	KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)	KEWANGAN	1

1. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN, GRED W5

Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan jawatan : Satu (1)

1. GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : RM (SEBULAN)

Gred gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	ITKA (RM)	ITP (RM)
5	1,650.00	6,620.00	145.00	160.00	300.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED W5:

- (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,731.00); atau

- (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,731.00); atau

- (iii) Diploma Pengurusan Harta Tanah atau Diploma dalam bidang Pengurusan Harta Benda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,974.00).

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas penilaian termasuk bagi maksud percukaian, sumbangan membantu kadar, sewaan, insuran bangunan, tunggakan dan bantahan cukai taksiran.

**2. JAWATAN : PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/
PENOLONG JURUTERA, GRED JA5**

Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(Skim Perkhidmatan Bersepadu)

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan jawatan : Tiga (3)

1. GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : RM (SEBULAN)

Gred gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	ITKA (RM)	ITP (RM)
5	1,650.00	6,620.00	145.00	160.00	300.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED JA5:

- (i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau

- (ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melukis, menyurih pelbagai pelan berkaitan lukisan arkitek, rangka bina, perspektif, rajah pembentukan besi, keratan rentas, kontur dan lain-lain berkaitan.

Melaksanakan projek-projek bangunan Kerajaan dan jalan-jalan raya serta kerja penyelenggaraan, merancang strategi pelaksanaan operasi serta penjadualan kerja-kerja, membahagi kerja serta membimbing kakitangan mengenai tugas-tugas yang perlu dilaksanakan, menyelenggara serta membuat keputusan berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan dan membantu tugas-tugas menderaf plan, lukisan teknikal dan plan '*lay-out*'.

**3. JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI),
GRED N1**

Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan jawatan : Dua (2)

1. GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : RM (SEBULAN)

Gred gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	ITKA (RM)	ITP (RM)
1	1,500.00	4,680.00	100.00	115.00	300.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED N1:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

4. JAWATAN : PEMBANTU PENGUAT KUASA, GRED KP1

Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan jawatan : Dua (2)

1. GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : RM (SEBULAN)

Gred gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	ITKA (RM)	ITP (RM)
1	1,500.00	4,680.00	100.00	115.00	300.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KP1:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2

dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00).

dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pegawai.

5. JAWATAN : PEMBANTU KEMAHIRAN, GRED H1

Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan jawatan : Satu (1)

1. GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : RM (SEBULAN)

Gred gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	ITKA (RM)	ITP (RM)
1	1,500.00	4,680.00	100.00	115.00	300.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED H1:

- (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); atau

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00).

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

6. JAWATAN : PEMBANTU KHIDMAT AM, GRED H1

Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan jawatan : Dua belas (12)

1. GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : RM (SEBULAN)

Gred gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	ITKA (RM)	ITP (RM)
1	1,500.00	4,680.00	100.00	115.00	300.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED H1:

- ((i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b)).

(b) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/ Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)

- (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Pembantu Khidmat Am bertanggungjawab melaksanakan skop tugas berkenaan pengurusan dokumen dan memberi sokongan operasi serta memastikan pengurusan pejabat agar berjalan dengan lancar.

Pembantu Khidmat Am juga bertanggungjawab bagi urusan pemanduan dan penyelenggaraan semua jenis kenderaan termasuk motobot mengikut keperluan agensi masing-masing.

Pembantu Khidmat Am juga bertanggungjawab melaksanakan lain-lain tugas seperti kebersihan pejabat, pembersihan longkang, pemotongan rumput, dan dahan pokok serta tugas-tugas landskap serta keceriaan kawasan.

**7. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR
DAN DESA, GRED JA5**

Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract For Service*)

Kekosongan jawatan : Satu (1)

1. Kadar Bayaran Perkhidmatan (RM) : RM1,650.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED JA5:

- (i) Sijil dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
- (ii) Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00); atau

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menyediakan maklumat dan pelan yang berkaitan untuk kegunaan perancangan dan koordinasi pembangunan infrastruktur dan utiliti serta pengangkutan/sistem trafik di kawasan perbandaran.

Bertanggungjawab memberikan ulasan teknikal bagi permohonan kebenaran merancang pendirian bangunan, pindaan pendirian bangunan, kemudahan infrastruktur dan utiliti bagi kawasan perbandaran.

Bertanggungjawab menyediakan pelan dan laporan lawatan tapak bagi permohonan membina struktur menara telekomunikasi dan permohonan cadangan untuk memasang struktur telekomunikasi atas bangunan oleh pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan menyediakan pelan bagi pegawai kawasan.

Bertanggungjawab terhadap penyelarasan bajet berhubung dengan pengurusan projek, promosi pemasaran hartanah, pembangunan dan bajet mengurus. Pembangunan pangkalan data GIS untuk data-data perancangan serta pengumpulan maklumat-maklumat kemajuan perancangan dan pembangunan bandar.

8. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N5

Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract For Service*)

Kekosongan jawatan : Satu (1)

1. Kadar Bayaran Perkhidmatan (RM) : RM1,650.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED N5:

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau
- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00); atau

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras Unit Integriti seperti berikut:

1. Tadbir Urus: Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
2. Pengukuhan Integriti: Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
3. Pengesanan dan Pengesahan: Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
4. Pengurusan Aduan: Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
5. Pematuhan: Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
6. Tatatertib: Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

9. JAWATAN : PEMBANTU PENILAIAN, GRED W1

Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract For Service*)

Kekosongan jawatan : Satu (1)

1. Kadar Bayaran Perkhidmatan (RM) : RM1,500.00

2. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED W1:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,561.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab untuk menerima arahan dan menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran, menjalankan latihan dan penyelidikan, mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.

B. CARA – CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Raub yang boleh dimuat turun melalui laman web Majlis Daerah Raub di www.mdraub.gov.my atau kod QR di bawah :-



2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas dan disertakan bersama dokumen seperti berikut:
 - (i) Sekeping gambar terkini berukuran passport iaitu 3.5 x 5.0 sm;
 - (ii) Salinan kad pengenalan (depan dan belakang);
 - (iii) Salinan sijil lahir;
 - (iv) Salinan keputusan peperiksaan yang disyaratkan dalam iklan dan salinan sijil tamat persekolahan serta sijil-sijil persekolahan;
 - (v) Salinan Sijil/ Diploma/ Ijazah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency)] dan salinan transkrip penuh akademik;
 - (vi) Surat pengesahan pemastautin (jika berkaitan); dan
 - (viii) Sijil-sijil yang berkaitan.
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DITANDATANGANI** dan **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 9 ke atas) atau Penghulu.
4. Pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam (tetap/kontrak) hendaklah mengemukakan permohonan melalui ketua jabatan dan sertakan bersama Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tempoh 3 Tahun Terkini.

5. **ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

Semua permohonan hendaklah dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH RAUB
27600 RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR**

TARIKH TUTUP IKLAN : 8 OGOS 2025

6. Permohonan yang tidak lengkap atau diterima selepas tarikh tutup iklan **AKAN DITOLAK.**

C. CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga;
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan tidak berjaya;
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.



(DATO MOHD KHUZAI DI BIN HARUN, DIMP.)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Raub

Bertarikh pada: **24** Julai 2025